KERJA-KERJA NAIKTARAF BILIK STOR UBAT FARMASI PESAKIT LUAR, ARAS 3 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI INSTITUT KANSER NEGARA

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
1.0	Item Tidak Dihargakan Mana-mana item yang tidak dihargakan serta lain-lain komponen atau kerja yang perlu bagi memastikan sistem berfungsi dengan sempurna dan selamat oleh Penyebutharga adalah dianggap telah diambil kira dan dimasukkan di tempat lain dalam Senarai Kuantiti (Bill of Quantities) serta dalam Jumlah Harga Sebutharga. Tiada tuntutan tambahan akan dipertimbangkan bagi mana-mana komponen, bahan atau kerja yang diperlukan untuk melengkapkan sistem sekiranya tidak dihargakan secara berasingan di dalam Senarai Kuantiti.				
2.0	Jaminan Kontraktor hendaklah mengemukakan Sijil Jaminan yang dikeluarkan oleh pihak pengilang kepada Kerajaan. Jaminan tersebut hendaklah meliputi jaminan ke atas bahan atau peralatan yang dibekalkan serta kerja-kerja pemasangan yang dilaksanakan. Sekiranya syarat jaminan pengilang menetapkan bahawa pemasangan hendaklah dilaksanakan oleh kontraktor pakar yang diiktiraf dan diluluskan oleh pengilang berkenaan, Kontraktor hendaklah memastikan syarat tersebut dipatuhi sepenuhnya sebelum penyerahan Sijil Jaminan kepada Kerajaan. Tempoh jaminan hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahan atau mengikut tempoh yang				
3.0	Skop Kerja Kerja-kerja merangkumi pembekalan, penghantaran, pemasangan, penyambungan, konfigurasi, pengujian dan pentauliahan sistem penyaman udara (Air Conditioning and Mechanical Ventilation – ACMV) lengkap termasuk semua peralatan, paip, ducting, kabel, aksesori dan komponen berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Lukisan dan Senarai Kuantiti. Kontraktor hendaklah memastikan keseluruhan sistem dibekalkan dalam keadaan lengkap, berfungsi sepenuhnya dan sedia untuk operasi (complete and operational) walaupun terdapat mana-mana komponen kecil atau aksesori yang tidak dinyatakan secara khusus di dalam Senarai Kuantiti. Kontraktor hendaklah memastikan semua pendawaian kuasa dan kawalan dipasang mengikut piawaian yang berkaitan serta sesuai dengan kapasiti dan jarak yang dibenarkan bagi memastikan sistem beroperasi dengan selamat dan stabil.				
4.0	Kontraktor hendaklah menjalankan semua pengujian, pemeriksaan dan pentauliahan yang berkaitan bagi memastikan semua sistem, peralatan dan pemasangan yang dilaksanakan di bawah kontrak ini berfungsi dengan sempurna, selamat dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Kerja-kerja tersebut hendaklah merangkumi pengujian ke atas semua komponen mekanikal, elektrik, kawalan, integrasi sistem serta mana-mana kerja berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Lukisan dan Senarai Kuantiti. Kontraktor hendaklah menyediakan laporan pengujian dan pentauliahan yang lengkap serta mengemukakannya kepada Pegawai Penguasa untuk semakan dan pengesahan sebelum penyerahan projek.				
5.0	Kelulusan Bahan, Peralatan, Rekabentuk dan Perancangan Kerja Kontraktor hendaklah mengemukakan katalog, brosur teknikal, lukisan serta butiran reka bentuk bagi semua jenis barang, bahan dan peralatan yang dicadangkan untuk dipasang kepada Pegawai Penguasa untuk semakan dan kelulusan sebelum kerja pemasangan dilaksanakan. Kelulusan hendaklah diperoleh bagi jenis, saiz, kapasiti, spesifikasi teknikal, bahan binaan serta reka bentuk kelengkapan yang hendak dipasang. Sebarang pemasangan tanpa kelulusan terlebih dahulu adalah tidak dibenarkan.				
A	**KERJA-KERJA AWALAN**				
1.0	Menyediakan semua insurans kerja yang berkaitan termasuk Contractor's All Risk (CAR) atau setara sepanjang tempoh pelaksanaan kerja.	Pukal			
2.0	*Menyediakan Workmen Compensation Insurance / Perlindungan PERKESO bagi semua pekerja yang terlibat di tapak.*	Pukal			

KERJA-KERJA NAIKTARAF BILIK STOR UBAT FARMASI PESAKIT LUAR, ARAS 3 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI INSTITUT KANSER NEGARA

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
3.0	Menyediakan insurans bagi kemalangan kepada pihak ketiga serta perlindungan terhadap kerosakan kepada harta benda sepanjang tempoh pelaksanaan kerja.	Pukal			
4.0	Mematuhi segala kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) serta peraturan yang berkaitan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).	Pukal			
5.0	Menyediakan kemudahan keselamatan tapak termasuk pengawasan, kawalan keselamatan, peti pertolongan cemas serta memastikan keselamatan peralatan dan bahan binaan sepanjang tempoh kerja.	Pukal			
6.0	Menyediakan site hoarding, perlindungan lantai menggunakan kanvas atau plywood sebagai floor protection serta papan tanda projek (project signboard) mengikut format standard kerajaan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa dan papan tanda keselamatan dan amaran yang berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa sebelum kerja dimulakan.	Pukal			
7.0	Mengambil langkah kawalan habuk, bunyi dan keselamatan kawasan kerja bagi memastikan operasi bangunan tidak terganggu sepanjang tempoh kerja. Mengawal kebersihan tapak sepanjang tempoh kerja termasuk pengurusan sisa binaan, pengangkutan keluar bahan lebihan serta memastikan kawasan kerja sentiasa dalam keadaan selamat dan kemas.	Pukal			
8.0	Menyediakan laporan bergambar sebelum, semasa dan selepas kerja serta menyediakan dan mengemaskini jadual pelaksanaan kerja (Work Programme) bagi tujuan pemantauan oleh Pegawai Penguasa.	Pukal			
9.0	Kontraktor hendaklah menyediakan method statement bagi kerja-kerja pemasangan sebelum kerja dimulakan untuk kelulusan Pegawai Penguasa.	Pukal			
10.0	Kontraktor hendaklah menyediakan dan mengemukakan cadangan reka bentuk sistem penyaman udara termasuk pengiraan heat load, pengiraan kadar aliran udara (airflow) serta pengiraan air balancing bagi menyokong kapasiti AHU yang dicadangkan.	Pukal			
11.0	Kontraktor hendaklah menyediakan dan mengemukakan lukisan kejuruteraan serta technical submission termasuk lukisan susun atur peralatan, sistem ducting, paip chilled water, pendawaian elektrik serta lukisan skematik kawalan sistem untuk kelulusan Pegawai Penguasa sebelum kerja pemasangan dilaksanakan.	Pukal			
12.0	Kontraktor hendaklah menyediakan lukisan siap bina (As-Built Drawing) yang lengkap bagi semua kerja mekanikal, elektrik dan kawalan serta menyerahkan empat (4) salinan hardcopy dan satu (1) salinan softcopy yang telah disahkan oleh Jurutera Profesional.	Pukal			
13.0	Kontraktor hendaklah menyediakan Operation and Maintenance Manual (O&M Manual) yang lengkap bagi semua sistem yang terlibat termasuk manual peralatan, prosedur operasi serta jadual penyelenggaraan.	Pukal			
14.0	Kontraktor hendaklah menjalankan pengujian pepasangan elektrik serta menyediakan laporan ujian lengkap dan dokumen pengesahan oleh Competent Person yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga termasuk penyediaan Borang G, Borang H atau dokumen setara jika berkaitan.	Pukal			

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
15.0	Kerja-kerja pembersihan akhir tapak termasuk membuang semua sisa binaan, mencuci kawasan kerja serta membuat kerja make good terhadap kerosakan akibat kerja sebelum penyerahan projek.	Pukal			
B	**KERJA-KERJA MEKANIKAL**				
1.0	Membuka dan menanggalkan Air Handling Unit (AHU) sedia ada termasuk blower fan, motor, filter section, control panel, condensate drain piping serta semua aksesori berkaitan. dan meletakkan ke lokasi yang diarahkan oleh pegawai penguasa.	Pukal			
2.0	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah Air Handling Unit (AHU) baharu jenis double skin yang sesuai untuk operasi berterusan selama dua puluh empat (24) jam bagi ruang Jabatan Farmasi. AHU hendaklah mempunyai kapasiti penyejukan sekurang-kurangnya setara dengan kapasiti unit sedia ada dan dijangka berada dalam lingkungan 450,000 hingga 500,000 BTU/hr tertakluk kepada pengesahan melalui pengiraan heat load oleh kontraktor dan kelulusan pegawai penguasa. Unit hendaklah direka dengan ciri kecekapan tenaga tinggi serta konfigurasi kipas yang menyediakan redundansi operasi. AHU hendaklah lengkap dengan blower fan berkecekapan tinggi, motor elektrik minimum kecekapan IE3 atau setara, cooling coil jenis chilled water, filter section yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua peringkat penapisan iaitu pre-filter dan fine filter atau setara, drain pan, condensate drain trap, vibration isolator, flexible connection, mounting frame, access panel, differential pressure gauge atau switch bagi pemantauan keadaan penapis, temperature sensor dan relative humidity sensor bagi pemantauan keadaan udara serta semua aksesori berkaitan. Kerja hendaklah termasuk pembinaan atau pengubahsuaian plinth konkrit bagi pemasangan AHU baharu serta memastikan ruang akses penyelenggaraan yang mencukupi disediakan.	Pukal			
3.0	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah damper kawalan aliran udara baharu bagi sistem AHU termasuk Motorised Volume Control Damper (MVCD) lengkap dengan actuator motor, linkage, mounting bracket, pendawaian kuasa dan kawalan, integrasi dengan sistem kawalan sedia ada serta Volume Control Damper (VCD) bagi tujuan pelarasan dan pengimbangan (air balancing) aliran udara. Skop termasuk pengubahsuaian ducting sedia ada, akses panel (jika diperlukan), operating mechanism, locking device, semua aksesori, pendawaian dan kerja berkaitan bagi memastikan kawalan serta pengagihan aliran udara beroperasi dengan sempurna mengikut keperluan reka bentuk dan arahan Pegawai Penguasa. (Actuator hendaklah BACnet/Modbus compatible atau setara bagi tujuan integrasi ke sistem BCS)	Pukal	0		

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
4.0	Kerja-kerja pengubahsuaian, pembesaran, penggantian atau penyambungan semula sistem ducting supply air dan return air termasuk transition duct, offset, flexible connector, duct support/hanger, insulation, vapour barrier, akses panel serta semua aksesori dan kerja berkaitan. Skop hendaklah mengambil kira keperluan pengubahsuaian laluan ducting, sambungan kepada duct utama sedia ada, dan semua kerja sampingan yang diperlukan bagi memastikan sistem pengagihan udara beroperasi dengan sempurna mengikut keperluan reka bentuk dan arahan Pegawai Penguasa.	Pukal			
5.0	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah set penapis udara (air filter) baharu bagi sistem AHU termasuk penapis peringkat primer (primary filter) dan sekunder (secondary filter), lengkap dengan filter frame, housing, gasket, sealing arrangement serta media penapis yang bersesuaian dengan keperluan sistem dan tahap penapisan yang ditetapkan, termasuk semua aksesori dan kerja berkaitan bagi memastikan prestasi penapisan udara yang optimum.	Pukal			
6.0	Melaksanakan kerja Testing, Adjusting and Balancing (TAB) ke atas keseluruhan sistem pengagihan udara yang dibekalkan oleh AHU termasuk pengukuran, pelarasan dan pengimbangan kadar aliran udara serta tekanan bagi memastikan pematuhan kepada keperluan reka bentuk dan spesifikasi JKR, serta menyediakan laporan pengujian lengkap untuk kelulusan.	Pukal			
7.0	kerja-kerja penyambungan, pengubahsuaian dan penaiktarafan sistem paip chilled water termasuk semua paip, valve, fitting, hanger/support, pipe insulation serta kerja-kerja berkaitan. Skop hendaklah mengambil kira keperluan pembesaran saiz paip, pengubahsuaian laluan paip, penyambungan ke paip utama (main chilled water header) jika perlu, kerja pemotongan dan penyambungan (tie-in), balancing aliran, serta semua aksesori dan kerja sampingan yang diperlukan bagi memastikan sistem beroperasi dengan sempurna mengikut keperluan reka bentuk dan arahan Pegawai Penguasa.	Pukal			
8.0	kerja-kerja penyambungan paip kondensat kepada sistem saliran sedia ada termasuk semua paip, fitting, valve (jika berkaitan), support/hanger, insulation (jika diperlukan), floor trap, sambungan ke saliran utama, kerja pengubahsuaian laluan paip, kemasan semula serta semua aksesori dan kerja sampingan yang berkaitan bagi memastikan pengaliran kondensat berfungsi dengan sempurna tanpa kebocoran mengikut keperluan reka bentuk dan arahan Pegawai Penguasa.	Pukal			
C	**KERJA-KERJA ELEKTRIKAL**				

KERJA-KERJA NAIKTARAF BILIK STOR UBAT FARMASI PESAKIT LUAR, ARAS 3 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI INSTITUT KANSER NEGARA

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
1.0	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah Distribution Board (DB) jenis wall-mounted berperumah logam minimum IP54 lengkap dengan MCCB incoming, MCB/RCBO outgoing, perlindungan beban lampau (overload protection), busbar tembaga, neutral dan earth bar, SPD (jika berkaitan), pendawaian dalaman, sistem pembumian, kabel kuasa dan kawalan termasuk gland, lug dan termination, laluan kabel (cable tray/conduit/trunking), pelabelan lengkap, kerja-kerja berkaitan, pengujian, pentauliahan, lukisan as-built serta dokumen pematuhan mengikut spesifikasi JKR dan Suruhanjaya Tenaga bagi sistem bekalan kuasa AHU.	Pukal			
2.0	Kerja pengubahsuaian atau penambahbaikan sistem pencahayaan yang terjejas akibat kerja menaiktaraf AHU.	Pukal			
3.0	Sistem Panic Button Lengkap – Kaunter Farmasi Pesakit Dalam Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah Sistem Panic Button lengkap di Kaunter Farmasi Pesakit Dalam yang terdiri daripada tiga (3) unit butang kecemasan jenis concealed/under-counter panic button dipasang di bawah kaunter farmasi, ruang kerja danruang penyediaan ubat, lengkap dengan panel kawalan, bekalan kuasa, pendawaian, trunking/conduit, aksesori pemasangan dan semua peralatan berkaitan. Sistem hendaklah disambungkan kepada lampu amaran (alarm indicator) dan buzzer/siren yang dipasang di bahagian dalam farmasi serta di kawasan luar yang strategik dan mudah dilihat dari Lobi Umum bagi membolehkan kakitangan keselamatan atau petugas berdekatan menerima amaran kecemasan dengan segera. Sistem hendaklah mempunyai fungsi reset, petunjuk status operasi, perlindungan litar, dan beroperasi secara berterusan 24 jam. Kerja termasuk pemasangan, pendawaian, pengujian fungsi, pentauliahan, pelabelan, latihan pengguna, penyediaan lukisan as-built dan penyerahan siap mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	Nos	1		
4.0	Membekal dan memasang lampu keluar (“EXIT” sign luminaire) jenis LED lengkap dengan bateri kecemasan terbina dalam minimum 3 jam operasi, termasuk semua bracket, conduit PVC/GI, kabel, pendawaian, termination, connection ke litar pencahayaan kecemasan, pengujian, pentauliahan dan kerja berkaitan serta make good kepada kemasan sedia ada, semuanya mengikut spesifikasi standard Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).	Nos	2		
5.0	Memasang SSO termasuk membekal, membuat pendawaian, dan memasang SSO 13A, 3-pin (***normal***) lengkap dengan pendawaian (4mm) dari DB terdekat dengan semua aksesori berkaitan serta kerja-kerja berkaitan	Nos	12		
6.0	Memasang SSO termasuk membekal, membuat pendawaian, dan memasang SSO 13A, 3-pin (***essential***) lengkap dengan pendawaian (4mm) dari DB terdekat dengan semua aksesori berkaitan serta kerja-kerja berkaitan	Nos	6		

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
7.0	Memasang Network Point termasuk membekal dan memasang mata rangkaian data (ICT) dari *patch panel* ke *wall faceplate* (pengguna) menggunakan kabel UTP CAT 6 (jenama dan warna seperti sediada) lengkap dengan penyambung RJ 45 di dalam konduit *rigid high impact PVC* (uPVC) lengkap dengan *faceplate* bersudut tertutup tunggal lengkap dengan CAT 6 RJ45 *modular jack* dan aksesori serta kerja-kerja berkaitan	Nos	5		
8.0	Memasang SSO Sementara termasuk membekal, membuat pendawaian, dan memasang SSO 13A, 3-pin (***normal***) lengkap dengan pendawaian (4mm) dari DB terdekat dengan semua aksesori berkaitan serta kerja-kerja berkaitan	Nos	16		
9.0	Memasang SSO Sementara termasuk membekal, membuat pendawaian, dan memasang SSO 13A, 3-pin (***essential***) lengkap dengan pendawaian (4mm) dari DB terdekat dengan semua aksesori berkaitan serta kerja-kerja berkaitan	Nos	8		
10.0	Memasang Network Point Sementara termasuk membekal dan memasang mata rangkaian data (ICT) dari *patch panel* ke *wall faceplate* (pengguna) menggunakan kabel UTP CAT 6 (jenama dan warna seperti sediada) lengkap dengan penyambung RJ 45 di dalam konduit *rigid high impact PVC* (uPVC) lengkap dengan *faceplate* bersudut tertutup tunggal lengkap dengan CAT 6 RJ45 *modular jack* dan aksesori serta kerja-kerja berkaitan	Nos	8		
D	**KERJA-KERJA INTEGRASI BUILDING CONTROL SYSTEM (BCS)**				
1.0	Menyediakan BCS interface point bagi integrasi sistem AHU dengan Building Control System (BCS) bangunan sedia ada.	Pukal			
2.0	Kerja penyambungan pendawaian kawalan daripada AHU kepada BCS panel sedia ada termasuk conduit, trunking dan semua kerja berkaitan.	Pukal			
3.0	Penyediaan titik pemantauan BCS termasuk AHU run status, fan fail alarm, filter dirty alarm, temperature reading, humidity reading dan auto changeover status atau sama dengan sistem sedia ada.	Pukal			
4.0	Kerja configuration, programming dan integration pada sistem BCS sedia ada.	Pukal			
E	**KERJA-KERJA AWAM (CIVIL)**				
1.0	Membuka, Membekal, Meratakan Lantai (Levelling), Memasang lantai dan skirting jenis vinil dengan ketebalan 3mm mematuhi piawaian kalis api (EN 13501-1) dengan nilai Bf1 dan rintangan gelinciran (EN 51130) dengan nilai R9 serta kerja-kerja yang berkaitan. (Method Statement perlu kelulusan Pegawai Penguasa dahulu sebelum kerja dilaksanakan) (Anggaran Luas 230m²)	Pukal			
2.0	Mengecat dinding dalaman dengan cat emulsi berasaskan air, termasuk penyediaan permukaan (mengikis cat lama), menampal kecacatan kecil, membersih, menyapu 1 lapisan primer/sealer dan 2 lapisan cat kemasan, lengkap mengikut Spesifikasi Piawai JKR (Bangunan) dan arahan Pegawai Penguasa. (Anggaran 945 m2)	Pukal			

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
3.0	Mengecat pintu kayu satu (1) daun termasuk daun pintu dan rangka, dengan cat minyak / enamel, termasuk penyediaan permukaan, menggosok (sanding), menutup kecacatan kecil, menyapu 1 lapisan primer kayu dan 2 lapisan cat kemasan, lengkap mengikut Spesifikasi Piawai JKR (Bangunan) dan arahan Pegawai Penguasa.	`	10		
4.0	Mengecat pintu kayu dua (2) daun termasuk daun pintu dan rangka, dengan cat minyak / enamel, termasuk penyediaan permukaan, menggosok (sanding), menutup kecacatan kecil, menyapu 1 lapisan primer kayu dan 2 lapisan cat kemasan, lengkap mengikut Spesifikasi Piawai JKR (Bangunan) dan arahan Pegawai Penguasa.	Nos	3		
5.0	Membekal, menghantar, menanggalkan dan melupus siling gantung sedia ada serta membekal dan memasang siling gantung baharu jenis sistem grid lengkap dengan rangka T-bar, hanger, panel siling, kemasan tepi (perimeter trim) dan access panel, termasuk kerja pelarasan aras, pengukuhan sokongan, pengubahsuaian bukaan bagi lampu, diffuser, sprinkler dan peralatan M&E. Kerja hendaklah turut merangkumi penanggalan dan pelupusan mana-mana bahagian dinding bata/blok sedia ada yang berada di atas paras siling gantung dan tidak lagi diperlukan berdasarkan susun atur ruang semasa sehingga ke paras bawah slab/soffit struktur. Kerja termasuk pemotongan kemas, pelupusan bahan binaan, menampal, melepa, meratakan permukaan, menutup kesan tebukan dan bukaan sedia ada, membuat kemasan semula (making good) pada semua permukaan yang terjejas, serta membersih, membaiki dan mengecat semula bahagian dinding yang terdedah akibat perubahan aras siling atau kerja pengubahsuaian yang dilaksanakan. Termasuk pembersihan kawasan kerja, pengujian, pelarasan, penyerahan siap dan segala kerja berkaitan mengikut spesifikasi JKR serta arahan Pegawai Penguasa. Anggaran luas (150 m²)	Pukal			
	Membekal, menghantar dan memasang kemasan backsplash dinding di kawasan sinki Farmasi Pesakit Dalam menggunakan Moisture Resistant Board (MRB) ketebalan minimum 18mm dengan kemasan High Pressure Laminate (HPL) kalis air pada permukaan hadapan dan tepi, lengkap dengan rangka sokongan, pelekat, kemasan sambungan, sealant silikon anti-kulat, pemotongan, pemasangan dan semua aksesori berkaitan sehingga siap dengan sempurna. Backsplash hendaklah mempunyai ketinggian minimum 600mm dari aras permukaan kaunter atau mengikut lukisan dan arahan Pegawai Penguasa. Anggaran 3 kaki x 1.5 kaki	Nos	1		

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
6.0	Membekal, menghantar, menanggalkan sinki sedia ada, mengalih dan melaras kedudukan kepala paip termasuk penggantian fitting jenis elbow yang bersesuaian, serta membekal, memasang, menguji dan mentauliah satu (1) unit sinki makmal (laboratory sink) jenis undermount daripada bahan tahan kimia yang sesuai untuk kegunaan makmal, saiz anggaran 406 mm (16") lebar × 673 mm (26.5") panjang × 305 mm (12") dalam atau diluluskan, lengkap dengan waste fitting, trap, sambungan paip dan segala aksesori berkaitan. Harga hendaklah termasuk kerja mengubah suai permukaan meja kerja dan kabinet sedia ada, kerja pemotongan, pelarasan struktur, kemasan semula, pengujian kebocoran, pembersihan kawasan kerja serta pelupusan bahan yang ditanggalkan ke tempat yang diluluskan, lengkap seperti yang	Pukal			
7.0	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan menyerahkan kabinet dinding (wall hung cabinet) jenis heavy duty bersaiz anggaran 3200 mm (P) × 755 mm (T) × 360 mm (L), diperbuat daripada papan berketumpatan tinggi kalis lembapan dengan kemasan High Pressure Laminate (HPL), lengkap dengan rak boleh laras, engsel soft-closing, sistem gantungan dinding heavy duty, kemasan tepi ABS, reka bentuk tanpa bucu tajam (rounded edges) serta semua aksesori dan kerja pemasangan yang berkaitan mengikut kelulusan Pegawai Penguasa.	Pukal			
F	**LAIN-LAIN KERJA**				
1.0	Kerja mengalih perabot pejabat dan peralatan di kawasan kerja ke stor atau lokasi sementara sebelum kerja dimulakan termasuk perlindungan peralatan.	Pukal			
2.0	Kerja mengalih dan menyusun semula perabot serta peralatan ke lokasi asal selepas kerja siap dilaksanakan.	Pukal			
3.0	Membekal dan memasang komputer peribadi (PC) lengkap untuk kegunaan pejabat kerajaan termasuk processor: Minimum: Intel® Core™ Ultra 7 Installed OS: Genuine Windows® 11 Professional 64-bit Memory: Minimum 16GB DDR5 RAM Internal Drive: Minimum 512GB SSD Display: Minimum 27-inch FHD Monitor Mouse: USB Optical Mouse Keyboard: USB Keyboard External Speaker Antivirus : 3 years subscription WPS Office Software : 5 years Warranty: 3 Years Onsite Support by Principal Uninteruptable Power Suppy (30 minute minimum)	Nos	6		

KERJA-KERJA NAIKTARAF BILIK STOR UBAT FARMASI PESAKIT LUAR, ARAS 3 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI INSTITUT KANSER NEGARA

ITEM	ITEM DESCRIPTION	UNIT	ESTIMATE QUANTITY	BIDDER SPECIFICATION/CATALOGUE	SPECIFICATION COMPLIANCE (YES/NO)
4.0	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah peti ais jenis dua pintu (Top Freezer) berkapasiti tidak kurang daripada 650 liter, lengkap dengan sistem penyejukan automatik (No Frost), rak simpanan boleh laras, lampu dalaman, pemampat cekap tenaga, kemasan tahan lasak serta semua aksesori standard pengilang. Kerja termasuk penghantaran ke lokasi, penempatan, penyambungan kepada bekalan elektrik sedia ada, ujian fungsi, pembersihan kawasan kerja dan penyerahan lengkap kepada Pegawai Penguasa. Waranti minimum satu (1) tahun bagi keseluruhan unit dan mengikut waranti standard pengilang bagi pemampat.	Nos	1		
C	**Kerja-kerja yang tidak dinyatakan pada item-item sebelum ini, tetapi diperlukan bagi kesempurnaan kerja-kerja dan operasi, serta perlu dilaksanakan sebagai kepatuhan kepada peraturan/undang-undang, penyebutharga/kontraktor dikehendaki mengisi dan nyatakan berserta harga yang ditawarkan di dalam skop kerja ini.Sekiranya tiada cadangan penambahan kerja, sila isikan sebagai 'NIL'.**	**Pukal**			
JUMLAH KESELURUHAN (RM)					